

# Dasar Pelajaran tak berubah

Jaminan Datuk Dr.  
Sulaiman Daud

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Daud hari ini menegaskan Dasar Pelajaran yang telah dirumuskan oleh Menteri-menteri sebelumnya tidak akan berubah.

Menurutnya, dasar yang telah dirangka sebelum ini telah cukup baik dan diterima oleh rakyat di negara ini.

"Apa yang perlu dititikberatkan sekarang ialah soal pelaksanaan dasar tersebut," katanya ketika dihubungi hari ini.

"Tuja saya ialah untuk mengekalkan kestabilan Kementerian yang saya pimpin sekarang ini sebagaimana yang dilakukan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam, keduanya bekas Menteri Pelajaran," jelasnya.

"Apa yang penting, saya telah diberi kepercayaan untuk menjalankan tugas berat itu dan saya mesti tunjukan," jelasnya lagi.

Datuk Dr. Sulaiman, bagaimanapun meminta kerjasama semua pihak termasuk orang ramai, pensyarah, guru, ibu bapa dan orang ramai supaya men beri sokongan untuk menjayakan matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan dan segala dasar lain yang dirumuskan.

Bellau berkata, segala yang dicita-citakan akan nampa sekiranya tidak mendapat sokongan padu dari mereka.

Bellau berkata, asas dan garis panduan untuk membolehkannya bertindak hanya dapat ditentukan setelah bellau menerima taklimat bertulis dari Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri dan taklimat taklimat dari semua bahagian Kementerian barunya itu.

## Kerjasama

Bellau telah pun mengarahkan Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri menyebarkan taklimat bertulis dalam tempoh dua minggu.

Bellau juga akan mendengar taklimat umum mengenai Kementerian Pelajaran minggu depan dan diikuti dengan bahagian-bahagian lain selepas Hari Raya.

Datuk Dr. Sulaiman menjelaskan, bellau akan melawat Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri untuk meninjau lebih dekat kegiatan yang dijalankan.

Menurutnya, taklimat bertulis yang disediakan kepadanya akan digunakan sebagai asas sebelum meninjau dengan lebih jauh dan membolehkannya membuat kajian mendalam.

Semasa lawatan ke negeri-negeri berkenaan, bellau menjelaskan pegawai-pegawai tertentu yang mempunyai hubungan rapat dengan sesuatu masalah akan dibawa bersama.

Ini disebabkan, tiap-tiap negeri mempunyai masalah yang berlainan dan memerlukan cara-cara tertentu pula untuk menyelesaikannya.

Jelasnya, masalah akan dapat diselesaikan sekiranya diketahui puncanya.

"Saya tidak bernaksud mengaitkan Kementerian Pelajaran mempunyai banyak masalah, tetapi sekiranya ada penyelesaian tertentu perlu diambil segera," jelasnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia